

Epistokrasi dalam Wacana

by Lukman Hakim

Submission date: 09-Jun-2023 03:09PM (UTC+0700)

Submission ID: 2112361317

File name: Jurnal_Islamiyat._WOS.pdf (367.15K)

Word count: 6321

Character count: 40688

2 Epistokrasi dalam Wacana Politik al-Ghazali dan Brennan

Epistocracy in al-Ghazali's and Brennan's Political Discourse

AHMAD SUNAWARI LONG
LUKMAN HAKIM
HASSE JUBBA
WAN FARIZA ALYATI WAN ZAKARIA

ABSTRAK

2 Epistokrasi adalah satu falsafah politik yang mempercayai bahawa golongan cerdik pandai sewajarnya memerintah negara bukannya diserahkan kepada sistem yang terbuka seperti diamalkan dalam sistem demokrasi. Al-Ghazali dan Brennan adalah antara ahli falsafah yang mempelopori falsafah tersebut yang dilihat berlainan dengan arus perkembangan semasa terutama sistem demokrasi. Ciri-ciri epistokrasi yang diperkenalkan al-Ghazali meliputi pemilihan pemimpin yang tertutup kepada yang terbaik sahaja, yang mempunyai nilai-nilai positif yang datang dari dalaman dan luaran individu, pengkhususan kepada etnik Quraisy dan pemimpin yang ditentukan oleh ahl al-syawkah. Brennan juga menepati dengan prinsip pemilihan yang dikemukakan oleh al-Ghazali seperti menghadkan pemilihan kepada mereka yang pintar dan kompeten, berdasarkan ciri demografik yang khusus dan sistem pemilihan pemimpin dengan sistem lebih bersifat tertutup. Walau bagaimanapun, penekanan epistokrasi al-Ghazali lebih kepada yang berunsurkan teokrasi yang memasukkan unsur ketuhanan dalam falsafahnya.

Kata kunci: Epistokrasi; Demokrasi; ahl al-syawkah; al-Ghazali; Brennan

8

ABSTRACT

Epistocracy is a political philosophy that believes that intelligentsia should rule the country instead of being handed over to an open system as practiced in democracy. Al-Ghazali and Brennan are among the philosophers who pioneered the philosophy which is seen as different from the current trend of political system, including democracy. The characteristics of the epistocracy introduced by al-Ghazali include the selection of leaders who are closed to the best only, who have positive values that come from the internal and external attributes of the individual, from the ethnicity of Quraish and leaders determined by the ahl al-syawkah. Brennan also preferred the principles of leaders selection introduced by al-Ghazali such as the wise men and competent leaders and who possessed a good demographic characteristics should be appointed as leaders and preferred a more closed selection system. However, the emphasis of al-Ghazali's epistocracy was more on a theocracy that incorporated an element of divinity in his philosophy compared to Brennan's.

Keywords: Epistocracy; Democracy; ahl al-syawkah; al-Ghazali; Brennan

PENDAHULUAN

Sesebuah kerajaan dinamakan berdasarkan sistem pemerintahan yang dilaksanakan dan kaedah pemimpin dipilih. Dalam sistem pemerintahan negara klasik dan moden, bentuk kerajaan dicirikan kepada kuasa politik yang membentuk pemimpin, antaranya: *autokrasi* –kerajaan yang diperintah oleh seorang pemimpin tunggal, *teokrasi* –kerajaan yang diperintah oleh agamawan, *demokrasi* –kerajaan dikuasai oleh suara majoriti rakyat serta *epistokrasi* –kerajaan dikuasai oleh golongan elit yang pintar. Bentuk terakhir ini adalah satu bentuk pemerintahan

yang menegaskan hanya mereka yang mempunyai tahap ilmu, pendidikan dan kebijaksanaan yang tinggi (epistemic) sewajarnya dipilih menjadi pemimpin negara. Epistokrat atau yang dipilih secara epistokrasi didirikan atas premis berikut: “Experts have knowledge of political truths”, oleh itu, “Experts should have the authority to rule” (Min 2015). Premis tersebut terbina daripada beberapa premis yang direkacipta oleh golongan anti-demokrasi atau epistokrat sendiri iaitu: (a) Jawapan bagi persoalan politik adalah bersifat benar atau salah; (b) hanya sebilangan golongan elit (epistokrat) yang mengenal kebenaran; (c) sekiranya jawapan

terhadap persoalan politik bersifat benar atau salah, maka hanya mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang politik sepatutnya memerintah, (d) Oleh itu, hanya golongan epistokrat sepatutnya memerintah atau memimpin. Premis-premis tersebut terhasil daripada etimologi perkataan epistokrasi yang terbina daripada gabungan perkataan Greek *episteme* (ἐπιστήμη, *epistēmē*, “ilmu”) + suffix *-kratia* (*-kratía*), daripada κράτος (*krátos*, “kuasa, perintah”). Maka, perkataan epistokrasi bermaksud sistem atau kerajaan yang diperintah oleh mereka yang mempunyai ilmu (berhikmah, berpendidikan dan berpengetahuan) tentang politik sewajarnya memerintah atau memimpin negara (Kuljanin 2019).

Falsafah politik terawal tentang epistokrasi bersumberkan kepada teori *Philosopher King* yang diperkenalkan oleh Plato dalam karyanya *Republic*. Bagi Plato kebanyakan rakyat tidak mempunyai keupayaan untuk membezakan antara ilmu (episteme) dan pendapat (*doxa*) sebaliknya hanya ahli falsafah yang mampu membezakan erti kebenaran yang sebenar. Plato mengutamakan kalangan intelektual *philosopher king* kerana mereka dianggap paling baik dan paling bijak yang mencapai hikmah. Hal ini kerana pemilihan pemimpin dipilih melalui proses kebijakan sempurna (*total intelligence*) atau juga dikenali sebagai *meta-intelligence*. Dalam *Republic* (6.48b), Plato (2021) boleh menerima demokrasi atas dasar ilmu (*episteme*) bukannya pendapat atau kepercayaan seperti pendapat orang kebanyakan (*doxa*). Hanya mereka yang mempunyai ilmu yang sepatutnya merangka dan memandu undang-undang serta membuat keputusan bagi pihak kerajaan. *Doxa* dinggap oleh Plato sebagai bersifat rendah, tidak akli dan berada pada kedudukan paling terendah berbanding dengan kedudukan roh. Dengan demikian, urusan pemerintahan sewajarnya diberikan kepada kalangan ahli falsafah yang mampu menanggapi kebenaran dan hikmah serta mempunyai akal yang tinggi.

Mereka yang diangkat pemimpin adalah individu yang sepanjang hayat didedahkan ilmu pengetahuan melalui lima peringkat pendidikan iaitu: (i) umur 1-20 tahun dengan pendidikan sastera, muzik dan puisi bagi melahirkan rasa cinta dan perasaan harmoni dalam diri; (ii) umur 20-30 tahun latihan jasmani dan ketenteraan; (iii) umur 30-35 tahun mempelajari kursus dialektika dan falsafah, dan (iv) umur 35-50 tahun penumpuan kepada pembelajaran falsafah dan pemikiran kritis. Kemuncaknya, hanya *Philosopher King* yang mencapai usia 50 tahun layak memerintah kerana

mereka lebih berpengetahuan berbanding golongan pekerja dan pengawal (*guardians*). *Philosopher Kings* dianalogikan dengan akal dalam diri manusia yang mempunyai kepintaran mengawal jasad dan roh (Ahmad Sunawari 2008).

Pada abad ke 19, ahli falsafah British, John Stuart Mill (1806-1873) telah mencadangkan sebuah sistem pemilihan pemimpin berasaskan falsafah epistokrasi di mana setiap orang sememangnya mempunyai hak untuk mengundi tetapi kadar undian diberikan secara berbeza-beza mengikut latar belakang pengetahuan atau pendidikan mereka. Sebagai contoh, satu hak mengundi diberikan kepada pekerja yang tidak mempunyai kelulusan untuk membuang undi tetapi lima atau enam undi diberikan kepada golongan professional untuk berbuat demikian. Bagi Mill, “*all have the right to exercise certain influence, but the best and wisest ought to exercise the greatest influence*” seperti diungkapkan dalam karyanya *Considerations on Representative Government* (2009). Ini bermakna mereka yang lebih berpengetahuan atau pintar mendapat undian yang lebih atau diistilahkan sebagai *enfranchisement lottery*. Pada pandangan Mill pendidikan yang lebih baik memberikan lebih hikmah atau kebijaksanaan (*wisdom*). Dua alasan yang disandarkan oleh Mill terhadap *weighting votes* tersebut adalah: pertamanya untuk menghalang kelas masyarakat yang tidak berpendidikan daripada memerintah, dan; keduanya, memberikan kuasa memerintah berdasarkan merit.

Dalam perkembangan falsafah politik, dua tokoh berikut boleh dilihat sebagai pewacana yang serius lagi kritis dalam mengadvokasi idea epistokrasi dalam sistem politik, iaitu Imam al-Ghazali dan Jason Brennan. Walaupun kedua-duanya berada dalam dua zaman berlainan dan berlatarbelakangkan keagamaan berbeza, kedua-duanya merupakan pemikir politik tersohor dalam bidang politik pada zamannya yang cuba membawa kelainan dalam falsafah politik semasa dengan mengemukakan pendekatan epistokrasi dalam pemilihan pemimpin yang ideal bagi sesebuah negara.

AL-GHAZALI DAN EPISTOKRASI

Al-Ghazali atau nama penuhnya Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Syafi'i bukan sahaja memfokuskan kepada bidang falsafah, ilmu kalam dan tasawuf (Kamarudin 1996) bahkan juga menunjukkan minat dalam bidang politik terutama dalam bentuk

menghasilkan karya-karya politik. Beliau telah mempelajari ilmu politik daripada gurunya, Imam al-Juwaini al-Haramain yang pernah menjadi Imam di Masjid al-Haram di Makkah dan Masjid al-Nabawi di Madinah. Falsafah politik al-Ghazali banyak dipengaruhi oleh pengalaman-pengalamannya ketika pemerintahan mengalami krisis politik. Ketika itu, banyak berlakunya korupsi, penyalahgunaan kuasa, perpecahan umat, krisis ulama dan ancaman akidah daripada golongan batiniah dan Syiah. Maka secara umumnya, teori politiknya juga banyak dipengaruhi oleh suasana politik semasa yang tidak stabil. Beliau yang dikenali sebagai Hujjatul Islam hidup di sekitar tahun 450-505H yang merupakan akhir pemerintahan Bani Abassiyah iaitu lebih kurang 151 tahun sebelum kejatuhan kerajaan Abassiyah ke tangan kerajaan Moghul (Tartar).

Lima buah karya beliau yang⁴ menyentuh secara langsung tentang politik iaitu: *Ihya' 'Ulum al-Din*, *Nasihah al-Muluk*, *Kimiya' al-Sa'adat*, *al-Iqtisad fi I'tiqad* dan *Fada'ih al-Batiniyah wa Fada'il al-Mustazhiriyyah*. Dua buah karyanya yang secara lang⁴g memfokuskan kepada idea epistokrasi adalah *Fada'ih al-Batiniyah wa Fada'il al-Mustazhiriyyah*⁶ atau lebih dikenali sebagai *al-Mustazhiriyyah* dan *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk* atau dikenali sebagai *Nasihah al-Muluk*. Kitab *Al-Mustazhiriyyah* ditulis pada tahun 1094M selepas beliau meninggalkan Baghdad bagi mengkritik Syiah Ismailiyah. Ia juga satu wadah pengiktirafannya ke atas pemerintahan Khalifah Al-Mustazhir pada ketika itu. Ia juga dikatakan telah diarah oleh khalifah tersebut bagi menghalang gerakan Syiah yang sering berusaha mengancam empayar semasa Khilafah Abbasiyah (Che Zarina 1999). Al-Ghazali menyampaikan pandangan politiknya pada bab kesembilan dan kesepuluh pada buku tersebut. Bab kesembilan tertumpu kepada pengiktirafan pemerintahan al-Mustazhir, pelantikan gabenor dan kadi.

Kitab keduanya, *Nasihah al-Muluk* telah ditulis⁴ri tahun 1105-1111M sebagai sumber nasihat kepada ketua pemerintah pada ketika itu iaitu Sultan Saljuk Muhammad Ibn Malikshah. Kitab yang dihasilkan di Tus ini, selepas beliau meninggalkan Nishapur amat berbeza dengan *the Prince* yang dihasilkan oleh Niccolo Machiavelli (1469-1527). *The Prince* yang dihasilkan oleh ahli falsafah Itali itu adalah sebuah karya politik yang ditulis untuk mengampu Raja Itali, Lorenzo de' Medici Bologna (m. 1492). Ia mengandungi nasihat-nasihat politik tanpa moral yang bermotifkan 'matlamat

menghalalkan cara'. Sebaliknya kitab *Nasihah al-Muluk* yang ditulis oleh al-Ghazali dihasilkan dengan niat yang ikhlas untuk menasihah pemerintah dengan nilai-nilai positif dalam bentuk politik berpaksikan Tuhan atau teokrasi. Kitab ini mengandungi dua bahagian iaitu: bahagian pertama memfokuskan kepada kepentingan seseorang⁴ pemerintah mempunyai akidah yang betul dan menjaga amal kebaikan dalam kehidupannya serta hubungan seseorang pemerintah dan Tuhan. Bahagian kedua pula, membincangkan kaedah pemerintahan seseorang pemerintah dalam sesebuah negara, peranan wazir atau perdana menteri, para birokrat dan peranan wanita.

Pada zaman al-Ghazali terdapat tiga struktur jaringan politik terbina iaitu penguasaan khalifah Abassiyah yang berpusat di Baghdad; kesultanan Saljuk Turki yang menguasai daerah-daerah kecil dan ulama yang menghubungkan kedua-dua belah pihak, iaitu antara khalifah dan sultan. Dalam hal ini, sebagaimana al-Mawardi (972-1058) dan al-Juwaini (1028-1085) sebelumnya, al-Ghazali sebagai ulama menunjuk contoh bagaimana mereka berperanan sebagai *power broker* antara kerajaan *de facto* dan pemerintah *de jure*. Ulama berfungsi sebagai penggerak *a modus vivendi*. Dalam konteks demikian, al-Ghazali sebagai cerdik pandai Islam yang berjawatan professor di Universiti Nizamiyah meletakkan dirinya sebagai penjaga kepada kuasa *de facto* kesultanan Saljuk dan pada masa yang sama ia menerima kuasa daripada khalifah sebagai pemerintah sebenar atau *de jure* yg mengawal syariah dan negara.

Khalifah Abassiyah, al-Mustazhir adalah pemerintah *de facto* pada waktu itu. Khalifah diterima sebagai penerus yang menjaga syariah dan mengawal keharmonian masyarakat setelah berlalunya era pemerintahan Rasulullah dan para sahabat selepasnya. Selepas kematian khalifah al-Muqtadi, al-Ghazali telah menulis *Kitab al-Mustazhir* bagi menyokong dan menzahirkan kata nasihat politik kepada pemimpin atau khalifah muda tersebut, al-Mustazhir. Khalifah adalah simbol kuasa tertinggi di mana sultan dan ulama mendapat identiti dan melaksanakan peranan yang dipertanggungjawabkan. Pada masa yang sama, beliau turut menyokong pemerintahan kesultanan Turki di bawah Berkiyaruq. Sultan-sultan Turki dilihat sebagai *ahli al-ahd wa al-'aqd*. Dalam keadaan demikian, ulama adalah sebagai pewaris para nabi (*al-'ulama warasatul anbiya'*), yang mempunyai *extention authority* agama yang

diperolehi secara langsung daripada *de facto* khalifah yang bertindak sebagai penjaga syariah di muka bumi. Bagi menyokong prinsip ketaatan kepada pemerintah yang tidak berbelah bagi, termasuk oleh para ulama yang bersifat *a modus vivendi*, al-Ghazali menekankan kepada prinsip hadis: 'Pemimpin bayangan Allah'

7 Maksudnya: "Sultan (pemerintah) merupakan bayangan Allah di bumi. Barangsiapa yang memuliakannya maka Allah memuliakannya dan barangsiapa yang menghinanya maka Allah akan menghinanya." [Riwayat al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman (6988)] [Hadith ini dinilai sahih oleh Imam al-Suyuthi di dalam al-Jami' al-Saghir, 496/1]

Dalam politik, al-Ghazali berada dalam keadaan dilema antara menjadi seorang idealis atau seorang realis. Sebagai seorang idealis, al-Ghazali melihat khalifah sebagai sumber dan autoriti kepada masyarakat dalam memenuhi tuntutan syariah. Ulama adalah penerus kepada kepimpinan yang ditinggalkan oleh Rasulullah dan diberikan oleh Allah untuk menjaga syariatNya. Sebaliknya sebagai seorang realis, al-Ghazali perlu menerima perubahan yang berlaku dan realiti politik kontemporari. Beliau perlu menerima pemerintahan kerajaan di bawah penguasa kesultanan Turki bagi mengekalkan kestabilan masyarakat demi mengelak berlakunya anarki (Farouk 2001). Maka di sini kita boleh simpulkan, al-Ghazali juga bermain politik.

Sebagai seorang realis, di samping tidak menolak tentang kepimpinan para nabi dan rasul yang diutuskan untuk menyampai, menjelaskan dan memberi pertunjuk kepada manusia tentang hal-hal berkaitan akhlak, ibadah dan akidah (Indriaty 1992) al-Ghazali menerima hakikat keperluan kelompok kedua iaitu para penguasa politik dalam sistem politik negara. Kelompok ini terdiri daripada khalifah dan sultan yang menjaga ummah atau warganegara untuk kedamaian dan menjauhi permusuhan. Dengan kekuasaan yang dimiliki, mereka berada pada kedudukan tertinggi di muka bumi sehingga dianggap sebagai *bayang-bayang Allah di muka bumi (zillullah fi al-ard)* seperti dalam petikan hadis sebelum ini. Maka setiap warga wajib mentaati pemerintah yang telah dibaiahkan. Walau bagaimanapun, dalam *Kitab al-Mustafa min al-'Ilm al-'Usul*, yang di siapkannya pada tahun 503H, al-Ghazali menyatakan al-hakim atau pemerintah yg sebenar adalah Allah. Bahkan nabi, amir dan suami hanya boleh memberikan arahan berdasarkan arahan Allah. Tiada seorangpun boleh memberikan tanggungjawab samada dalam bentuk pematuhan

sepenuhnya atau suruhan kecuali suruhan (*amr*) daripada Allah (Lambton 1988).

EPISTOKRASI DALAM FALSAFAH POLITIK AL-GHAZALI

Proses pemilihan pemimpin yang dicadangkan oleh al-Ghazali disifatkan oleh penulis sebagai berkecenderungan kepada sistem politik epistokrasi berdasarkan penulisan karya-karyanya di atas. Bermula dengan pelantikan ketua atau imam, beliau mengemukakan tiga hujah bagi mengukuhkan dakwaan bahawa imam atau pemimpin adalah sumber bagi semua legitimasi bagi perundangan dan masyarakat. Pertama, berdasarkan kepada kesepakatan umat atau ijmak yang memerlukan persetujuan mereka untuk memberikan kepatuhan kepada pemimpin yang terpilih. Kedua, berdasarkan pendekatan yang dilakukan oleh para sahabat yang bersepakat melantik Abu Bakar secara pantas sejurus kewafatan Rasulullah dan memberikan baiah atas pelantikannya. Ketiga, kewajipan mentaati pemimpin untuk mengelakkan perpecahan dan permusuhan di kalangan ummah atau warga sekalipun tanpa melalui proses musyawarah atau demokrasi (Syamsul 2017).

Bagi al-Ghazali, tidak sembarangan orang boleh dipilih dan dilantik sebagai pemimpin. Apa yang jelas, mereka yang dilantik bukan berdasarkan suara demokrasi atau majoriti tetapi berdasarkan kepada ciri-ciri yang ditetapkan. Hal ini, bagi penulis menepati dengan falsafah epistokrasi yang menjurus kepada sistem politik elit dan terkhusus. Secara umumnya, epistokrasi al-Ghazali mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Pemilihan pemimpin bukan dari pilihan ramai tetapi dari yang terbaik antara yang terbaik. Ini terbukti dengan tindakan Abu Bakar melantik Umar sebagai khalifah sekalipun tidak mengikut pilihan ramai atau secara demokrasi ketika itu. Dalam kitab dan *Fada'ih al-Batiniyah wa Fada'il al-Mustazhiriyah*, al-Ghazali menyatakan adalah cukup mendapat sokongan daripada seorang untuk dilantik menjadi pemimpin jika ia memenuhi syarat-syaratnya. Setelah dipilih, pemerintah tersebut hendaklah ditaati. Dalam kitab *al-Iqtisad fi al-'Itiqad* (1962) al-Ghazali menjelaskan tiga cara pemilihan pemimpin dilakukan iaitu: (1) melalui nas yang ditinggalkan oleh Rasulullah; (2) melalui pemilihan di kalangan putera imam atau dari keturunan Quraisy, dan; (3) melalui

lantikan ke atas mereka yang mempunyai kuasa kekuatan dan kecekapan (kompeten). Mereka dari kategori ini mendapat sokongan dari para imam dan rakyat.

2. Individu yang mempunyai syarat yang cukup untuk dilantik sebagai ketua. Menurut al-Ghazali di dalam *al-Iqtisad fi al-Itiqad*, pemimpin demikian perlu memenuhi dua kriteria nilai positif pada individu yang terbina dalam diri, dan keduanya nilai positif yang datang dari luar yang perlu dicari dan dipujuk ke dalam diri. Nilai pertama bersifat *innate* dalam dirinya yang terangkum dalam enam sifat iaitu: (1) *al-bulugh* (matang); (2) *al-'aql* (pintar); (3) *al-hurriyyah* (bebas); (4) lelaki; (5) berketurunan Quraysh; (6) sempurna deria pendengaran dan penglihatan (*salimah al-hissiyat al-sam' wa al-basr*). Manakala kategori kedua mengandungi empat nilai perlu diusahakan atau dipelajari agar sehati dalam diri seorang pemimpin iaitu: (1) *al-najdah* (berani, tegas; mempunyai kekuatan untuk berperang); (2) *al-kifiyah* (kompeten); (3) *al-'ilm* (berpengetahuan), dan; (4) *al-wara'*. Di dalam *Nasihah al-Mulk* (t.th.), al-Ghazali menyenaraikan beberapa ciri pemimpin yang ideal lain termasuk: (1) Kefahaman yang baik tentang faedah dan bahaya kuasa; (2) kesedian mendengar nasihat daripada ulama; (3) kemampuan menjauhkan diri daripada amalan yang keji; (4) menjauhi sikap yang sombong; (5) mempunyai empati yang tinggi terhadap mereka yang memerlukan; (6) perhatian terhadap keperluan warga; (7) mempunyai kehidupan yang ringkas; (8) menghormati warga; (9) mempunyai komitmen menjadikan rakyat bahagia dan makmur, dan; (10) tidak mencari populariti dengan jalan yang menyalahi agama. Di dalam *Ihya' Ulum al-Din* (1995) pula, beliau menggariskan empat syarat seorang pemimpin yang ideal untuk negara, iaitu: (1) mempunyai ilmu dan kepakaran; (2) bersifat wara'; (3) Berketurunan ahli bayt, dan; (4) amanah. Syarat-syarat yang dikemukakan oleh al-Ghazali di dalam kitab-kitab tersebut adalah bersifat ideal semata-mata yang tidak mungkin dapat dicapai lebih-lebih lagi ketika itu berlaku banyak fitnah dan ketidakstabilan dalam politik negara. Meletakkan pelbagai syarat demikian, seolah-olah adaptasi terhadap apa yang dilakukan oleh Plato dalam teori *Negara Idealnya* atau al-Farabi di dalam teori *al-Madinah al-Fadilah* sebelumnya.

3. Keutamaan kepada etnik khusus. Al-Ghazali memberikan keutamaan kepada keturunan Quraisy untuk dilantik sebagai pemimpin kerana ciri-ciri kepimpinan dan nilai-nilai positif pada etnik tersebut berbanding etnik lain. Pandangan ini selari dengan sebuah hadis berikut:

Dari az-Zuhri berkata, bahwa Muhammad bin Jubair bin Muthim -yang kala itu bersama rombongan utusan dari Quraisy -menyampaikan bahawa telah sampai berita kepada Muawiyah kalau Abdullah bin Amr bin al-Ash menyampaikan bahawa ada datang seorang raja dari bangsa Qahthan. Maka marahlah Muawiyah. Beliau pun berdiri (berkhutbah) seraya memuji Allah dengan pujian yang layak bagi-Nya, kemudian beliau berkata, *amma ba'd*, sesungguhnya telah sampai kepadaku bahwa beberapa orang dari kalian menyampaikan sebuah pembicaraan yang tidak terdapat dalam *Kitabullah*, tidak pula diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. Mereka adalah orang bodoh di antara kalian. Hati-hatilah kalian dari cerita-cerita yang boleh menyesatkan. Sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya urusan ini (kekuasaan/khilafah) berada di tangan bangsa Quraisy. Tidaklah seorangpun yang menentang mereka (Quraisy) kecuali pasti Allah menyeretnya ke dalam Neraka. (Kejayaan itu) selama mereka (Quraisy) menegakkan agama'. (Hadis Riwayat Bukhari no 3.369 bab *Manaqib Quraisy*)

Syarat kepada etnik Quraisy ini adalah selaras dengan mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah, seluruh mazhab Syiah, sebahagian kelompok Muktazilah, dan sebagian besar kelompok Murjiah, Imam Malik, Imam Ahmad, dan tokoh-tokoh Islam lain seperti al-Mawardi (m. 450 H), al-Juwaini (m. 478H), Rasyid Ridha (m. 1935) dan Ibn Hajar al-Asqalani (m. 852H). Walau bagaimanapun, pandangan demikian tidak diterima oleh kalangan Khawarij, sebahagian Muktazilah, sebahagian Murjiah, Qadhi Abu Bakr al-Baqillani (m. 1013), Ibn Khaldun (m. 1406), Imam Ibn Hajr al-'Asqalani (m. 1449) dan ulama kontemporari Wahbab Zuhaily (m. 2015). Secara umumnya, penolakan mereka berdasarkan kepada hujah: syarat perlantikan daripada etnik Quraisy hanyalah bersifat memberi keutamaan (*afdaliyyah*) bukannya sebagai syarat sah atau satu kemestian dalam perlantikan pemimpin (*in'iqad*) (Icol 2019). Secara khusus, bagi Ibn Khaldun (t.th.), hadith pemimpin seharusnya dilantik daripada etnik Quraisy sewajarnya difaham secara kontekstual yang berdasarkan kepada kemampuan dan autoriti semasa. Pada masa Rasulullah, mereka yang mempunyai kepimpinan dan daya ketaatan dapat diperolehi daripada etnik Quraisy. Jika

pada satu masa nanti, terdapat mereka yang mempunyai kemampuan dan autoriti sekalipun bukan dari etnik Quraisy, ia boleh dilantik sebagai pemimpin termasuk sebagai pemimpin negara. Ini bermakna satu kritikan ibn Khaldun terhadap al-Ghazali supaya memahami hadis bukan dalam bentuk tekstual semata-mata tetapi juga perlu diteliti secara *historical*.

4. Pemimpin yang ditentukan oleh *ahl al-syawkah* (*influential people*). Di dalam kitabnya, *Fadaih al-Bathiniyyah* (1964), al-Ghazali mempertahankan pandangannya tentang konsep *al-syawkah*:

“Kepimpinan menurut hemat kami, dapat dikatakan sah melalui *mekanisme al-syawkah* (kekuatan dan kecekapan). Dan *al-syawkah* sendiri terhasil melalui mekanisme baiah...namun demikian, yang kami maksud dengan baiah bukanlah identiti pemimpin yang dibaiahnya (yang dari Quraisy). Adanya baiah kerana adanya kecekapan dan kekuatan pemimpin dalam memperoleh dukungan dan simpati massa.”

Qamaruddin Khan (1992: 136-137) mendakwa al-Ghazali adalah pemikir pertama yang memperkenalkan istilah *ahl al-syawkah*. Metod pemilihan ini boleh dilihat kepada penerimaan Abu Bakar sebagai khalifah ditunjukkan oleh golongan Ansar semasa peristiwa di Tha'qifah Bani Saidah. Menurut al-Ghazali, *ahl al-syawkah* adalah mereka yang berpengaruh (*influential people*) dan mempunyai kuasa. Pada masanya, ia dirujuk kepada para penguasa Turki dari Dinasti Saljuq yang menjadi ketua atau pemimpin di wilayah-wilayah (Sjadzali 1991).

Al-Ghazali menolak pandangan bahawa pemimpin yang dipilih perlu mendapat sokongan daripada seluruh rakyat atau dipilih oleh sekelompok warga atau *ahl al-'ahd wa al-'aqd*. Adalah sudah memadai seorang ketua dipilih dan dibaiah oleh seorang yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Pemilihan oleh seorang yang memberikan baiah adalah mencukupi, jika yang memberikan baiah tersebut mempunyai *syawkah* atau mempunyai kuasa ketenteraan atau pengaruh, kerana baiahnya sudah dianggap mewakili baiah seluruh rakyat. Apa yang lebih penting dalam proses ini adalah untuk mencapai kesatuan dalam masyarakat. Pemilihan pemimpin bukanlah perancangan manusia untuk berkuasa tetapi adalah rahmat Tuhan (Hillenbrand 1988).

Terminologi *al-syawkah* yang dibawa al-Ghazali ini kemudiannya digunakan oleh Ibn Taimiyyah (Qamaruddin Khan 1992) dengan

meluaskan makna kepada kontrak sosial (baiah) antara pemimpin dan rakyat. *Ahl al-Syawkah* adalah mereka yang dihormati dalam masyarakat dari pelbagai kedudukan dan profession di mana mereka mempunyai hak dan suara dalam memilih ketua-ketua negara. Mereka melakukan baiah (sumpah setia) dengan pemimpin dipilih yang kemudiannya diikuti oleh rakyat untuk melakukan perkara yang sama. Hanya mereka yang diperakukan oleh *ahl syawkah* layak dilantik sebagai pemimpin. Dalam pemilihan Abu Bakar dan Umar sebagai pemimpin, perantikan Abu Bakar bukan disebabkan oleh baiah Umar atau perantikan Umar bukan disebabkan oleh wasiat Abu Bakar tetapi disebabkan oleh sokongan daripada mereka yang mempunyai kekuatan dan kompeten atau berpengaruh iaitu *ahl al-syawkah*.

Kesimpulan daripada ciri-ciri pemimpin tersebut menunjukkan al-Ghazali, menolak sistem terbuka pemilihan pemimpin seperti yang diamalkan oleh sistem demokrasi. Memberikan ciri-ciri berdasarkan ciri kompetensi, etnik, dan pengaruh dominasi *ahl al-syawkah* menunjukkan beliau cenderung kepada sistem politik epistokrasi berbanding demokrasi. Tujuan penubuhan kerajaan adalah untuk keredhaan Allah di dunia dan akhirat, maka pemilihan pemimpin berdasarkan pendekatan epistokrasi menjamin matlamat di kedua-dua alam tersebut tercapai. Dalam bukunya, *Nasihah al-Mulk* (t.th), al-Ghazali memberikan nasihat kepada pemimpin supaya memiliki empat pelan tindakan nilai: (i) menjauhkan orang-orang bodoh dari pemerintahannya; (ii) membangun negeri, merekrut orang cerdas dan berpotensi; (ii) menghargai orang tua yang bijak, dan; (iv) melakukan ujikaji dan meningkatkan kemajuan negara dengan membersihkan keburukan dan kejahatan. Seorang pemimpin tidak dibenarkan menyerahkan pentadbiran kepada sembarangan individu kerana ia menghancurkan negara.

BRENNAN DAN EPISTOKRASI

Jason F. Brennan (1979-) adalah ahli falsafah Amerika yang kini bertugas sebagai Profesor Robert J. and Elizabeth Flanagan Family Professor of Strategy, Economics, Ethics, and Public Policy di the McDonough School of Business, Georgetown University, Amerika Syarikat. Brennan adalah pengarang kepada 15 buah buku: *Debating Democracy*, pengarang bersama Hélène Landemore (Oxford University Press 2021), *Business Ethics for Better Behavior*, dengan William English, John

Hasnas, dan Peter Jaworski (Oxford University Press, 2021), *Why It's OK to Want to Be Rich* (Routledge Press 2020), *Good Work if You Can Get It* (Johns Hopkins University Press, 2020); *Injustice for All: America's Dysfunctional Criminal Justice System and How to Fix It*, bersama Christopher Surprenant (Routledge, 2019); *Cracks in the Ivory Tower: The Moral Mess of Higher Education*, bersama Phil Magness (Oxford University Press, 2019); *When All Else Fails: Resistance, Violence, and State Injustice* (Princeton University Press, 2018); *In Defense of Openness: Global Justice as Global Freedom* (Oxford University Press, 2018), bersama Bas van der Vossen; *Against Democracy* (Princeton University Press, 2016); *Markets without Limits*, dengan Peter Jaworski (Routledge Press, 2016); *Compulsory Voting: For and Against*, bersama Lisa Hill (Cambridge University Press, 2014); *Why Not Capitalism?* (Routledge Press, 2014); *Libertarianism: What Everyone Needs to Know* (Oxford University Press, 2012); *The Ethics of Voting* (Princeton University Press, 2011); dan, bersama David Schmidtz, *A Brief History of Liberty* (Wiley-Blackwell, 2010). Beliau juga penyunting bersama David Schmidtz dan Bas Van der Vossen, kepada *Routledge Handbook of Libertarianism* (Routledge, 2017).

Terminologi 'epistokrasi' dalam dunia falsafah politik moden bermula dengan satu pernyataan oleh Brennan dalam karyanya "*Against Democracy*" (2016). Istilah berkenaan dimulakan dengan kritikan beliau terhadap sistem demokrasi yang sangat dipandang tinggi oleh kebanyakan masyarakat kontemporari sedangkan ia tidak memberikan kuasa sebenar dan menyediakan pekerjaan kepada rakyat. Apa yang jelas, ini adalah kesan jangka panjang idea ahli falsafah British, John Stuart Mill (1806-1873) ke atas Brennan yang mendakwa sistem pentadbiran kerajaan adalah sebagai alat di mana fungsinya adalah untuk membantu rakyat hidup dalam keadaan aman makmur dan sewajarnya dinilai dalam bentuk pencapaian kebahagiaan warga. Epistokrasi didakwa memberikan kehidupan yang lebih baik berbanding demokrasi (Klocksiera 2019). Atas persepsi ini, Brennan mengkritik demokrasi sebagai:

"It is presumed to be unjust and to violate a citizen's rights to forcibly deprive them of life, liberty or property, or significantly harm their life prospects as a result of decisions made by an incompetent deliberative body, or as a result of decisions made in an incompetent way or in bad faith. Political decisions are presumed legitimate and

authoritative only when produced by competent political bodies in a competent way and in good faith." (2016: 141-2).

Dari segi idealisme politik, pada persepsi Brennan, demokrasi dilihat oleh kebanyakan orang sebagai satu sistem politik yang mampu memberikan warga perkongsian kuasa yang sama rata antara mereka termasuklah hak kebebasan politik yang sama, kesamaan kuasa, hak untuk mengundi, kuasa untuk mengurus dan memegang jawatan dan kesaksamaan kedudukan dalam politik. Sedangkan yang sebenarnya pada pandangan Brennan (2016: 208) demokrasi: "*is that people do not, by default, have an equal right to vote or run for office*".

Sebagai pilihan, beliau mengemukakan sistem epistokrasi menggantikan sistem demokrasi yang sudah begitu lama merosakkan sistem politik dunia. Hanya epistokrasi yang boleh membawa sebuah kerajaan yang kompeten (cekap). Pada pengamatan professor Georgetown University tersebut, ramai yang memilih demokrasi berbanding sistem politik yang lain kerana menyangka ia lebih berkesan dalam menghasilkan keputusan. Baginya, demokrasi hanyalah sebagai alat "*Democracy is nothing than a hammer*" (Stone 2019). Beliau tidak menolak ada kebaikan pada demokrasi, tetapi ia lebih banyak membawa keburukan:

Democracy has done people a lot of good. The best governments there are, right now, are all democratic with universal adult suffrage. This does not mean that democracy is perfectly just, or that nobody could do even better. Democracy has some deeply objectionable features – in particular, that it often imposes (through force) policies upon innocent people as the result of incompetently made decisions (Brennan 2011: 724).

Epistokrasi menyisihkan antara yang baik dengan yang buruk. Dalam sistem politik epistokrasi hanya mereka yang pintar minda sahaja yang selayaknya terlibat dalam pesta demokrasi. Mereka yang tidak berpengetahuan, tersingkirkan dan boleh berada di tepi melihat pesta politik ini. Ini sebenarnya bagi mengelak mereka yang jahil (atau dinamakan sebagai *hobbit* oleh Brennan) atau golongan fanatik (politik hooligan) menguasai negara. Dengan epistokrasi, Brennan mendakwa sebagai solusi mengembalikan hak rakyat untuk memiliki *a competent government* ataupun paling tidak mereka *'to not be subjected to an incompetent one'*. Memberikan kuasa memilih kepada warga yang tidak kompeten menyebabkan kehidupan warga,

kebebasan dan harta mereka di bawah penguasaan mereka yang tidak pintar dan tidak kompeten juga (Brennan 2011: 717). Perkara (demokrasi) ini akhirnya akan mengancam prinsip keadilan. Ini sangat berbeza dengan sistem epistokrasi:

3
A political system is epistocratic to the extent it distributes political power in proportion to knowledge or competence, as a matter of law or policy. This distribution has to be de jure, not merely de facto. Suppose a democracy with universal suffrage always elected the most competent people to run the government. While the most competent people would end up holding office, this system would still be a democracy, because by law it distributes fundamental political power equally. In contrast, in an epistocracy, the law does not equally distribute basic political power. (208)

Jika Plato mengategorikan struktur kepimpinan negara kepada tiga kelompok iaitu *Philosopher Kings*, pengawal dan pekerja, Brennan juga melihat masyarakat dalam tiga kelompok utama iaitu: *hooligans*, *hobbits* dan *vulcan*.

1. Kelompok *hooligan* dikiaskan kepada kumpulan yang sering melakukan huru hara dan bersorak sebagai peminat sukan terutama bola sepak. Dalam politik, kumpulan ini adalah mereka yang mempunyai pandangan sedia ada dan mereka sukar memberikan pandangan pilihan terutama dalam politik. Emosi dan kekerasan menjadi identiti mereka. Bagi Brennan, kelompok ini menjadikan sistem demokrasi sebagai 'sesuatu yang tidak demokrasi' kerana ia terhasil oleh golongan yang tidak menggunakan logik dan akal, beremosi dan kadangkala membawa huru hara dalam sistem politik. Walaupun mereka terlibat dengan politik, pendekatan yang dibawa boleh merosakkan sistem demokrasi itu sendiri. Hasil dan cadangan yang diberikan oleh kelompok ini juga tidak ilmiah dan sukar diterima. Mereka sangat *over confident* dengan pandangan sendiri dan dengan hukum hakam politik yang mereka tahu. Pandangan politik mereka menjadi sebahagian daripada identiti mereka. Mereka berbangga menjadi ahli kumpulan politik mereka sendiri sekalipun membawa fahaman politik yang salah. Brennan menyimpulkan kumpulan ini: "*They tend to despise people who disagree with them, holding that people with alternative points of view are stupid, evil, selfish, or, at best, deeply misguided*".
2. Kelompok *hobbit*, sebagaimana dapat ditonton dalam filem "*The Lord of the Rings*" karya J.R.R. Tolkien, adalah kelompok yang tidak

menghiraukan apa yang terjadi di dunia umumnya dan politik *khususnya* (*apathetic and ignorant about politics*). Mereka hanya mementingkan kehidupan mereka semata-mata. Inilah kelompok yang dianggap oleh Brennan sebagai mereka yang tidak mempedulikan sistem politik sekeliling mereka, keutamaan hanya diberikan kepada urusan peribadi atau keluarga mereka. Bahkan mereka langsung tidak menghiraukan politik. Mereka tidak mempunyai ilmu saintifik sosial atau ilmu untuk menilai atau memahami sesuatu perkara. Ilmu mereka hanya terbatas kepada ilmu dunia dan sejarah negara mereka. Dalam erti kata lain, mereka hanya mengurus dunia mereka.

3. Kelompok terakhir adalah kelompok *vulcan* yang dirujuk kepada watak dalam filem *Star Trek*. Mereka sering menggunakan logik di dalam kehidupan di mana semua keputusan dan polisi yang dibuat dibina berdasarkan logik akal. Bagi Brennan, dalam sistem politik epistokrasi, kumpulan ini sentiasa memilih pertimbangan logik dan ilmiah di mana ia disandarkan oleh ilmu sains sosial dan falsafah. Mereka meminati politik tetapi pada masa yang sama mereka mempunyai sifat *dispassionate* (rasional) kerana mereka sentiasa cuba mengelak daripada sikap tidak rasional dan prajudis. Idealnya, bagi Brennan, individu-individu *vulcan*lah yang seharusnya terlibat lebih banyak dalam amalan epistokrasi, sehingga ia berfungsi dengan harmoni, tenang dan ilmiah. Semua keputusan, kebijaksanaan, dan perdebatan didasarkan pada kaedah-kaedah keilmuan, sehingga produk-produk dalam epistokrasi berasaskan ilmu dan logik. Maka Brennan menekankan, sudut pandang demokrasi selama ini harus dikritik secara ilmiah (Brennan 2014) dan perlu diganti dengan sistem epistokrasi.

Dalam pengamatannya terhadap sistem demokrasi di Amerika Syarikat, beliau melihat kepincangan kepada kelompok *hobbits* dan *hooligan* tersebut. Dalam kajian pola pengundi di negara Uncle Sam tersebut, rakyat di utara lebih berpengetahuan berbanding mereka di selatan, lelaki lebih bermaklumat berbanding daripada wanita, mereka yang berumur pertengahan lebih bermaklumat berbanding mereka lebih muda atau lebih tua, mereka yang berpendapatan tinggi lebih berpengetahuan berbanding mereka yang berpendapatan rendah serta kebanyakan wanita

berkulit hitam lebih ramai gagal dalam peperiksaan. Disebabkan oleh kumpulan yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah seperti golongan kulit hitam yang berpendapatan rendah, adalah tidak wajar diberikan hak untuk mengundi. Ketika diajukan tentang masalah demografi ini, Brennan menjawabnya, mereka yang berkualiti rendah atau nilai negatif tersebut perlu mengatasi masalah yang dihadapi atau belajar untuk mendapat pendidikan yang tinggi. Beliau menjelaskan, epistokrasi dapat diamalkan dengan baik di negara yang berintegriti tinggi dan korupsi yang rendah seperti New Zealand dan Denmark. Sebaliknya, di negara yang kurang berintegriti serta kadar korupsi tinggi seperti Russia dan Venezuela (Brennan 2016) sukar untuk dilaksanakan sistem epistokrasi ini. Dalam menghadapi risiko yang tidak terjangka, Brennan menyarankan tentang keperluan melantik pemimpin yang pintar untuk memimpin negara seperti yang terdapat dalam sistem epistokrasi:

"[T]he governed have a right not to be exposed to undue risk in the selection of policy or of rulers who will make policy. When elections are decided on the basis of unreliable epistemic procedures or on the basis of unreasonable moral attitudes, this exposes the governed to undue risk of serious harm" (2011: 708)

Brennan menggariskan lima prinsip asas dalam pemilihan pemimpin dalam sistem epistokrasi, iaitu:

1. Hak mengundi yang terhad (*restricted suffrage*): Diberikan hak mengundi kepada mereka yang benar-benar berhak mengundi dan boleh membuktikan mereka mempunyai hak dan maklumat yang cukup untuk membuang undi.
2. Mengundi secara plural: Setiap orang boleh mendapatkan undi, tetapi yang lebih pintar dan lebih berpendidikan mendapat undi yang lebih. Ini sejajar dengan sistem yang diperkenalkan oleh J.S. Mill. Dalam erti kata lain, undi dari mereka yang tidak pintar, membawa satu keputusan yang buruk dalam politik. Dengan demikian, undi sewajarnya diberikan kepada yang pintar dan kompeten.
3. Pembuangan undi secara loteri: (*enfranchisement lottery*): Pilihanraya, didahului dengan pemilihan sejumlah pengundi secara *random*, hanya mereka yang lulus ujian diberikan hak untuk mengundi.
4. Veto epistokratik: Setiap rakyat mengekalkan hak untuk mengundi, tetapi perlaksana epistokrasi dalam kerajaan boleh membatalkannya. Dalam hal ini, pembuangan undi diberikan secara terbuka kepada semua warga, tetapi ia perlu

melempi beberapa ujian dan lulus tapisan ujian jenayah. Mereka yang mempunyai kepentingan diri tidak layak diberikan hak mengundi. Badan yang menapis sistem ini bertindak sebagai pakar bidang.

5. *Simulated oracle*: Dalam model ini semua warga diminta secara serentak untuk mengundi polisi atau calon, mengambil ujian politik yang asas, dan menyatakan demografi mereka. Dengan undian demikian, kerajaan dapat mengetahui keinginan utama yang diperlukan rakyat.

Pandangan Brennan yang memberikan keutamaan kepada mereka yang pintar dan kompeten untuk dipilih sebagai pemimpin dikritik oleh beberapa pihak. Gunn (2029) mempersoalkan tentang sejauh mana apa yang didakwa sebagai pakar itu benar-benar tahu tentang apa yang mereka lakukan. Tentunya ada ketidaksetujuan idea atau keputusan antara pakar yang menyebabkan pelaksanaan epistokrasi menimbulkan masalah. Estlund (2003) yang menjadi pengkritik utama terhadap idea epistokrasi menggunakan hujah *Penolakan Demografi (Demographic Objection)*. Hujah ini menyebut:

The Demographic Objection: the educated portion of the populace may disproportionately have epistemically damaging features that countervail the admitted epistemic benefits of education.

Bagi Estlund, sekalipun yang menguasai kerajaan epistokrasi adalah dari kalangan yang berpendidikan tinggi, ia tidak boleh menjamin mereka daripada sikap prajudis terhadap bangsa, kelas dan jantina. Ini tentunya akan memberi kesan kepada keputusan yang kelihatan seolah-olah kolektif dan bebas tetapi sebenarnya tidak berkualiti dan *bias*. Dalam bukunya, *Democratic Authority* (2008), Estlund mengemukakan hujah mempertahankan demokrasi yang dinamakannya *epistemic proceduralism*. Hujah ini mendakwa hanya demokrasi mengamalkan kuasa atau autoriti yang sah di mana hasilnya adalah undang-undang yang adil dan terbaik dari mana-mana sistem untuk kepentingan rakyat (Anderson 2008).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, berdasarkan kepada falsafah epistokrasi kedua-dua ahli falsafah dari zaman berbeza ini, kita dapati kedua-duanya bersetuju bahawa kepimpinan yang ideal adalah

bersifat tertutup dan khusus kepada golongan yang pintar yang terangkum dalam sistem epistokrasi. Golongan epistokrat adalah paling ideal dalam memimpin negara. Keutamaan kepada perspektif demografi yang dianggap lebih positif seperti golongan Quraisy oleh al-Ghazali atau mereka dari wilayah utara berkulit putih oleh Brennan adalah antara jaminan sistem politik yang berkualiti untuk warga. Maka keutamaan yang diberikan kepada etnik Quraisy dan penentuan oleh *ahl al-syawkah* benar-benar menunjukkan al-Ghazali sangat memihak kepada sistem epistokrasi. Namun kita harus akur, sekalipun etnik al-Quraisy adalah berketurunan Nabi Muhammad, tiada jaminan para pemimpin selepasnya menjalankan pemerintahan dengan adil dan telus serta mematuhi undang-undang syarak. Demikian juga dengan ciri-ciri dan kaedah pemilihan melalui sistem epistokrasi yang didakwa Brennan adalah terbaik, tiada jaminan ia dapat memastikan kepimpinannya dapat memberikan yang terbaik kepada rakyat. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan antara kedua-dua tokoh ini, di mana falsafah epistokrasi al-Ghazali lebih bersifat politik teokrasi dengan bermotifkan keridhaan Allah di muka bumi dan akhirat berbanding dengan Brennan yang hanya menumpukan kepada kebahagiaan warga di dunia semata-mata dan berasaskan pilihanraya.

RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. 2008. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Anderson, Elizabeth. 2008. An epistemic defense of democracy: David Estlund's democratic authority. *Episteme* 5(1): 129 – 139.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail Abu Abdullah Al-Bukhari. 1987. Bab Manaqib Quraisy, 'Kitab al-Manaqib'. *Al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*. vol. 3. Beirut: Dar Ibn Kasir.
- Brennan, J. 2011. The right to a competent electorate. *The Philosophical Quarterly* 61(245): 700-724.
- Brennan, J. 2014. *Libertarian Hooliganism and Vulcanism*. Bleeding Hearts Libertarians. <https://bleedingheartlibertarians.com/2014/04/libertarian-hooliganism-and-vulcanism/>
- Brennan, J. 2016. *Against Democracy*. Princeton University Press.
- Brennan, J. 2016. Op-Ed: Can epistocracy, or knowledge-based voting, fix democracy? Los Angeles Time. <https://www.latimes.com/opinion/op-ed/la-oe-brennan-epistocracy-20160828-snap-story.html>
- Estlund, David. 2003. Why not epistocracy? Dlm., Desire, Identity and Existence: Essays in Honour of T.M. Penner. ttp. Academic Printing and Publishing.
- Farouk Mitha. 2001. *Al-Ghazali and the Ismailis. A Debate on Reason and Authority in the Medieval Islam*. London: I. B. Tauris Co. Ltd
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1964. *Fadaih al-Batiniyyah*. Abdul Rahman Badawi. Ed. Al-Qaherah: al-Dar al-Qawmiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. t.th. *Al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1962. *Al-Iqtisad fi al-'Itiqad*. Ankatra: Nur Matbaasi
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 1995. *Ihya' Ulum al-Din*. Juz 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Gunn, Paul. 2019. Against Epistocracy. *A Journal of Politics and Society*. 31 (1): 26-82.
- Hillenbrand, Carole. 1988. Islamic orthodoxy or realpolitik?; al-Ghazali's views on government. *Iran; Journal of the British Institute of Persian Studies*. 26: 81-94.
- Ibn Khaldun. t.th. *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Icol Dianto. 2019. Kepemimpinan komunitas (kepemimpinan komunitas Muslim menurut hadis Rasulullah Saw). *Jurnal At-Taghyir: Jurnal Dakwah dan Pengembangan Masyarakat Desa*. 2 (1): 14-29.
- Indriaty Ismail. 1992. Al-Ghazali's Concept of God: A deity of love or of the intellect. *Islamiyyat*. 13: 3-12.
- Kamarudin Haji Salleh. 1996. An examination on the nature of al-Ghazali sufism. *Islamiyyat*. 17: 47-63.
- Koleksiem, J. 2019. Epistocracy is a wolf in wolf's clothing. *Journal of Ethics*. 23 (1): 19-36.
- Kuljanin, D. 2019. Why not a philosopher king and other objections to epistocracy. *Phenomenology and Mind*. No. 16: 80-89.
- Lambton, A.K.S. 1988. Concepts of authority in Persia: Eleventh to Nineteenth Centuries A.D. *Iran* 26: 95-103.
- Mill, J. S. 2009. *Considerations on Representative Government*. Auckland: The Floating Press.
- Min, J. B. 2015. Epistocracy and democratic epistemology. *Politics in Central Europe* 11(1): 91-112.
- Plato. 2021. *Republic*. London: CreateSpace Independent Publishing Platform
- Qamaruddin Khan. 1992. *The Political Thought of Ibn Taymiyyah*. India: Adam Publishers & Distributors.
- Sahri, S. 2021. Political thought of Al-Ghazali on Imamah: Debate between theocracy and democracy. *HTS Theological Studies* 77(3): 1-8.
- Sjadzali, M. 1991. *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: UI Press.
- Stone, Peter 2019. Review Essay The Elephant in the Room Against Democracy. *International Dialogue, A Multidisciplinary Journal of World Affairs* 9: 85-97.
- Syamsul Yakin. 2017. Kritik Al-Ghazali Terhadap Aliran Bathiniyah Terkait Konflik Politik Sunni dan Syiah di Pangung Sejarah. *Refleksi* 16(1): 105-130.

PENGARANG

Dr. Ahmad Sunawari Long
Pusat Kajian Ushuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
aslong@ukm.edu.my

Dr. Lukman Hakim
Fakultas Ushuluddin dan Filsafat
Universitas Islam Negeri Ar-Raniry
Banda Aceh, Indonesia.
lukmanhakim@ar-raniry.ac.id

Dr. Hasse Jubba
Program Studi S3 Politik Islam-Ilmu Politik
Universitas Muhammadiyah Yogyakarta
Yogyakarta, Indonesia.
hasse@umy.ac.id

Dr. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria
Pusat Kajian Ushuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor.
aufaa@ukm.edu.my

Epistokrasi dalam Wacana

ORIGINALITY REPORT

11 %	11 %	4 %	3 %
SIMILARITY INDEX	INTERNET SOURCES	PUBLICATIONS	STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1	mtsu.edu Internet Source	3 %
2	www.researchgate.net Internet Source	3 %
3	digitalcommons.unomaha.edu Internet Source	2 %
4	puranaschool.wordpress.com Internet Source	1 %
5	onlinelibrary.wiley.com Internet Source	1 %
6	123dok.com Internet Source	1 %
7	www.muftiwp.gov.my Internet Source	<1 %
8	s1234057.stacksdiscovery.com Internet Source	<1 %

Exclude quotes On

Exclude bibliography On

Exclude matches < 20 words